A

AHMAD HASHIM

lwn.

TETUAN JOHARI, NASRI & TAN

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ABDUL MALIK ISHAK HMR
SYED AHMAD HELMY HMR
BALIA YUSOF WAHI HMR
[RAYUAN SIVIL NO: P-02(IM)-2778-2010]

C

22 OGOS 2012

PERKONGSIAN: *Tindakan oleh dan terhadap perkongsian - Liabliti rakan kongsi - Firma responden dilantik mewakili perayu dalam kes pengambilan tanah - Kegagalan menyerahkan wang pampasan yang*

D

dipegang sebagai pemegang amanah - Penghakiman terus terhadap firma responden - Pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah - Sama ada tindakan yang dibuat oleh firma mengikat rakan kongsi - Sama ada rakan kongsi bertanggungan secara bersesama - Akta Perkongsian 1961, ss. 8 & 11 - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 77 k. 1

E

Firma responden, yang mempunyai tiga orang rakan kongsi, iaitu, Johari Ahmad, Mohamad Nasri dan Chye Ann Lee ('Chye'), telah mewakili perayu dalam urusan pengambilan tanah kepunyaan perayu oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah. Jumlah pampasan telah

F

pun dibayar oleh Jabatan Akauntan Negara melalui dua keping cek berpalang atas nama perayu dan telah dipegang oleh firma responden sebagai pemegang amanah (stakeholder). Atas kegagalan firma responden membayar keseluruhan wang pampasan kepada perayu, maka perayu telah memfailkan tuntutan terhadapnya.

G

Permohonan perayu ('lampiran 4') untuk mendapatkan perintah penghakiman terus terhadap firma responden di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') telah dibenarkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi pada 3 Mac 2004. Tambahan, permohonan perayu untuk pelaksanaan dan

H

penguatkuasaan perintah tersebut ('lampiran 6') di bawah A. 77 k. 5(4) KMT juga telah dibenarkan terhadap kedua-dua rakan kongsi firma kecuali Johari Ahmad yang telah diisytiharkan bankrap. Berkenaan ini, Chye telah memfailkan rayuannya terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan lampiran 6.

I

Bantahan awal Chye adalah bahawa penghakiman terus terhadap firma responden bukanlah satu keputusan yang muktamad mengikut

s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Chye juga berhujah bahawa, (i) tuntutan perayu sepatutnya dibicarakan untuk mencapai satu penentuan; dan (ii) memandangkan Johari Ahmad telah menjadi bankrap sebelum penghakiman terus dimasukkan, maka perkongsian firma responden menjadi mansuh (dissolved). Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan Chye. Tidak puas hati dengan keputusan itu, perayu merayu ke mahkamah ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos; mengenepikan keputusan hakim Mahkamah Tinggi)
Oleh Abdul Malik Ishak HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan penghakiman terus terhadap firma responden merupakan satu keputusan yang kompeten dan boleh dirayu kepada hakim Mahkamah Tinggi. Tambahan, di dalam afidavit jawapan Chye, ianya tidak menyatakan bahawa firma responden telah dimansuhkan. Adalah agak lewat dan tidak adil bagi peguamcara Chye membangkitkan bantahan awal itu. Dengan itu, bantahan awal tersebut ditolak. (perenggan 15 & 17)

(2) Rayuan Chye kepada hakim Mahkamah Tinggi adalah berkenaan perintah pelaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004. Oleh itu, hakim Mahkamah Tinggi telah tersalah arah apabila beliau memikirkan kepada isu-isu yang tidak mempunyai kaitan langsung seperti isu penyerahan dokumen yang sepatutnya dibangkitkan semasa perbicaraan penghakiman terus. Didapati bahawa penyerahan dokumen telah pun dibuat secara betul dan teratur kerana firma responden disaman sebagai sebuah firma dan A. 77 k. 3(1) KMT adalah terpakai di dalam keadaan sebegini rupa. (perenggan 18 & 19)

(3) Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila membuat kesimpulan bahawa perayu telah gagal membuat bayaran guaman kepada firma responden berkenaan beberapa kes jenayah yang diwakili oleh firma responden. Malangnya, isu-isu ini langsung tidak dibuktikan oleh firma responden. Di samping itu, berdasarkan isu-isu yang telah diutarakan oleh Chye dalam afidavit jawapannya bagi membantah permohonan perayu, Chye telah gagal menunjukkan apa-apa bukti yang kukuh mengenai liabiliti yang dipertikaikan dan merupakan satu pernyataan kosong belaka. (perenggan 21, 24 & 25)

A **(4)** Seksyen 8 Akta Perkongsian 1961 ('Akta') menyatakan bahawa apa-apa tindakan yang dibuat oleh firma responden adalah mengikat Chye. Oleh itu, Chye tidak boleh sewenang-wenangnya mengatakan bahawa beliau tidak tahu mengenai kes perayu di mana wang pampasan pengambilan tanah telah
B diselewengkan oleh firma responden apabila beliau juga merupakan salah seorang daripada tiga rakan kongsi. Dengan itu, mengikut s. 11 Akta, Chye adalah "liable jointly". Juga, A. 77 k. 1 KMT dan A. 77 k. 3(1) KMT membenarkan pelaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004
C diambil terhadap Chye sahaja, iaitu salah seorang rakan kongsi firma responden. (perenggan 27, 30 & 31)

English *Translation Of Headnotes*

D The respondent firm, which consisted of three partners, *ie*, Johari Ahmad, Mohamad Nasri and Chye Ann Lee ('Chye'), had represented the appellant in dealing with the appellant's land acquisition by the State Authority of Kedah. The compensation sum was paid by the Department of National Accountant *vide* two
E cheques crossed under the appellant's name and was handed over to the respondent firm as stakeholder. Upon the respondent firm's failure to pay the whole of the compensation sum to the appellant, the latter then filed a suit against the respondent firm. The appellant's application ('encl. 4') to obtain summary judgment
F against the respondent firm under O. 14 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') was allowed by the Deputy Registrar of the High Court on 3 March 2004. Further, the appellant's application for execution and enforcement of the said judgment ('encl. 6') under O. 77 r. 5(4) RHC was allowed against the two partners
G except for Johari Ahmad who was declared a bankrupt. In relation to this, Chye filed an appeal against the Deputy Registrar's decision in allowing encl. 6. Chye's preliminary objection was premised on the fact that the summary judgment against the respondent firm was not a final decision pursuant to s. 3 of the
H Courts of Judicature Act 1964. Chye also submitted that, (i) the appellant's claim should be tried to achieve a determination; and (ii) since Johari Ahmad had been made a bankrupt before the summary judgment was entered, thus, the firm's partnership had been dissolved. The High Court judge allowed Chye's appeal.
I Dissatisfied with the said decision, the appellant appealed to this court.

Held (allowing appeal with costs; setting aside decision of the High Court judge)
Per Abdul Malik Ishak JCA delivering the judgment of the court:

(1) The Deputy Registrar's decision which allowed the summary judgment against the respondent firm was a competent decision and could be appealed to the High Court judge. Further, in Chye's affidavit-in-reply, it did not state that the respondent firm was dissolved. It was too late and unjustifiable for Chye's solicitors to invoke the preliminary objection. With that, the said preliminary objection was dismissed.

(2) Chye's appeal to the High Court judge was in relation to the order for execution and enforcement of the order dated 3 March 2004. Thus, the High Court judge misdirected himself when he decided on unrelated issues such as the service of the documents which was supposed to be addressed during trial of the summary judgment. It was found that the service of the documents was correctly done and in order since the respondent firm was summoned as a firm and O. 77 r. 3(1) RHC applied in this situation.

(3) The High Court judge erred when he decided that the appellant failed to pay his legal fees to the respondent firm in relation to some criminal cases which was represented by the respondent firm. Unfortunately, these issues were not proved by the respondent firm. Further, based on the issues posed by Chye in his affidavit-in-reply to object the appellant's application, Chye failed to show any concrete evidence in relation to the liability which was disputed and it was an empty statement.

(4) Section 8 of the Partnership Act 1961 ('the Act') states that any actions taken by the respondent firm will also bind Chye. Hence, Chye could not arbitrarily say that he did not know anything about the appellant's case whereby the compensation money for the land acquisition was misappropriated by the respondent firm when he was also one of the three partners. With that, according to s. 11 of the Act, Chye was liable jointly. Also, O. 77 r. 1 RHC and O. 77 r. 3(1) RHC allows the execution and enforcement of the order dated 3 March 2004 to be taken against Chye alone, *ie*, one of the partners in the respondent firm.

Kes-kes yang dirujuk:

Chia Sau Yin v. Liew Kwee Sam [1959] 1 LNS 17 CA ***(dirujuk)***

Malayan Banking Berhad v. Lim Ghee Leng & Anor [1985] 1 CLJ 154; [1985] CLJ (Rep) 203 FC ***(dirujuk)***

Michael Sim Hang Chuang v. Syarikat Sri Puspa & Ors [2000] 1 LNS 214 HC ***(dirujuk)***

Ong Keng Huat v. Hongkong United Co Ltd & Anor [1960] 1 LNS 82 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 3

Partnership Act 1961, ss. 7, 8, 11, 12, 13, 14

Rules of the High Court 1980, O. 14, O. 77 rr. 1, 3(1)(a), 3(3), 5(4), 5(5)

Bagi pihak perayu - Mohd Rafien Razali (Mohd Samsul Nizam Sohhimi bersamanya); T/n Burhan & Co

Bagi pihak responden - P Subramaniam; T/n Subra Sumarni & Assocs

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang; Guaman Sivil No: 22-107-2003]

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Abdul Malik Ishak HMR:

Latar Belakang

[1] Ini merupakan rayuan oleh perayu plaintif terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan rayuan rakan kongsi responden defendan yang bernama Chye Ann Lee.

[2] Rayuan Chye Ann Lee adalah berkenaan perintah perlaksanaan dan kuatkuasa perintah yang telah diberikan oleh Timbalan Pendaftar melalui permohonan perayu plaintif Ahmad bin Hashim di bawah A. 77 k. 5(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KMT").

Fakta Kes

[3] Firma responden defendan - Tetuan Johari, Nasri & Tan (disaman sebagai sebuah firma), mempunyai tiga orang rakan kongsi iaitu Johari bin Ahmad, Mohamad Nasri bin Ismail dan Chye Ann Lee.

[4] Perayu plaintif Ahmad bin Hashim merupakan seorang petani di dalam tindakan ini dan beliau telah diwakili oleh firma responden defendan untuk menguruskan urusan pengambilan tanah kepunyaan beliau oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah. Jumlah pampasan yang diperolehi oleh perayu plaintif Ahmad bin Hashim berjumlah RM272,576.66 dan telah dibayar melalui dua keping cek oleh Jabatan Akauntan Negara Cawangan Negeri Kedah yang masing-masing berjumlah RM81,637.31 dan RM190,939.35. Dan cek-cek tersebut berpalang dan telah dikeluarkan di atas nama perayu plaintif Ahmad bin Hashim dan telah dipegang oleh firma responden defendan sebagai stakeholder. Cek untuk RM81,637.31 itu bertarikh 11 Disember 2011, manakala cek untuk RM190,939.35 bertarikh 9 Februari 2002.

[5] Malangnya firma responden defendan gagal membayar wang pampasan itu kepada perayu plaintif Ahmad bin Hashim. Setelah didesak oleh peguamcara yang bertindak untuk perayu plaintif Ahmad bin Hashim, firma responden defendan telah membayar kepada perayu plaintif Ahmad bin Hashim sejumlah wang RM81,637.31 pada 20 Februari 2003. Seterusnya pada 25 Februari 2003, sebagai satu langkah berjaga-jaga, peguamcara bagi perayu plaintif Ahmad bin Hashim telah memfailkan writ saman dan tuntutan terhadap firma responden defendan bagi menuntut jumlah wang sebanyak RM272,576.66 beserta faedah pada kadar 8% setahun ke atasnya walaupun firma responden defendan telah membayar kepada perayu plaintif Ahmad bin Hashim wang sejumlah RM81,637.31 pada 20 Februari 2003.

[6] Pada 7 Ogos 2003, perayu plaintif Ahmad bin Hashim telah memfailkan satu permohonan saman dalam kamar di lampiran 4 untuk mendapatkan perintah penghakiman terus terhadap firma responden defendan di bawah A. 14 KMT bagi mendapatkan baki jumlah wang yang masih gagal dibayar iaitu RM190,637.31.

[7] Pada 3 Mac 2004, perayu plaintif Ahmad bin Hashim berjaya memperolehi penghakiman terus terhadap firma responden defendan yang diberikan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

[8] Pada 26 Mac 2007 - selepas tiga tahun memperolehi perintah penghakiman terus, perayu plaintif Ahmad bin Hashim telah memfailkan satu permohonan saman dalam kamar di lampiran 6 di bawah A. 77 k. 5(4) KMT untuk pelaksanaan dan

menguatkuasakan perintah bertarikh 3 Mac 2004 terhadap Mohamad Nasri bin Ismail dan Chye Ann Lee memandangkan bahawa mereka adalah rakan-rakan kongsi firma responden defendan. Malangnya seorang lagi rakan kongsi bernama Johari bin Ahmad telah diistiharkan bankrap pada 13 Mac 2003 melalui Petisyen Kebankrapan No: 29-2995-2001.

[9] Pada 5 Mac 2008, perayu plaintif Ahmad bin Hashim mendapat kebenaran untuk saman dalam kamar di lampiran 6 terhadap Mohamad Nasri bin Ismail di lampiran 17.

[10] Manakala kebenaran telah diperolehi oleh perayu plaintif Ahmad bin Hashim pada 6 Januari 2009 untuk saman dalam kamar di lampiran 6 terhadap Chye Ann Lee di lampiran 18.

[11] Ekoran daripada perintah bertarikh 6 Januari 2009 itu, Chye Ann Lee telah memfailkan rayuan di lampiran 14 terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan perayu plaintif Ahmad bin Hashim mendapatkan perintah pelaksanaan dan menguatkuasakan perintah bertarikh 3 Mac 2004 di lampiran 6 terhadap beliau.

[12] Pada peringkat itu, Chye Ann Lee telah memfailkan satu afidavit jawapan yang diikrarkan pada 18 April 2007.

[13] Di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, peguamcara Chye Ann Lee merujuk kepada A. 77 k. 5(4) dan 5(5) KMT dan menghujahkan bahawa oleh kerana Chye Ann Lee membangkitkan dan mempertikaikan isu liabilitinya berkaitan tuntutan perayu plaintif Ahmad bin Hashim, maka sewajarnya tuntutan perayu plaintif Ahmad bin Hashim patut dibicarakan untuk mencapai satu penentuan. Peguamcara Chye Ann Lee juga berhujah bahawa oleh kerana rakan kongsi Johari bin Ahmad telah menjadi bankrap sebelum penghakiman terus dimasukkan, maka perkongsian firma responden defendan menjadi mansuh (dissolved) di atas kebankrapan rakan kongsi Johari bin Ahmad. Untuk mengukuhkan hujahan-hujahan tersebut, peguamcara Chye Ann Lee telah merujuk kepada kes *Ong Keng Huat v. Hongkong United Co Ltd & Anor* [1960] 1 LNS 82.

[14] Dan sebagai jawapan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, peguamcara perayu plaintif Ahmad bin Hashim menghujahkan bahawa Chye Ann Lee sebagai salah seorang rakan kongsi firma responden defendan adalah bertanggungan secara

bersama dan berasingan untuk membayar kepada perayu plaintif Ahmad bin Hashim sejumlah wang yang telah disalahgunakan oleh peguam Johari bin Ahmad dan peguam Mohamad Nasri bin Ismail. Hujahan sedemikian rupa berpandukan kepada otoriti-otoriti berikut:

(a) *Chia Sau Yin v. Liew Kwee Sam* [1959] 1 LNS 17;

(b) *Michael Sim Hang Chuang v. Syarikat Sri Puspa & Ors* [2000] 1 LNS 214; [2000] 6 MLJ 189;

(c) *Malayan Banking Berhad v. Lim Chee Leng & Anor* [1985] 1 CLJ 154; [1985] CLJ (Rep) 203; dan

(d) Seksyen-seksyen 7, 8, 11, 12, 13 dan 14 Akta Perkongsian 1961 (Akta 135) – Partnership Act 1961 (Act 135).

Bantahan Awal Oleh Chye Ann Lee

[15] Peguamcara Chye Ann Lee berhujah bahawa keputusan Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang yang membenarkan penghakiman terus terhadap firma responden defendan pada 3 Mac 2004 bukanlah satu keputusan yang muktamad mengikut s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964). Kami berpendapat bahawa keputusan tersebut merupakan satu keputusan yang kompeten yang boleh dirayu kepada Hakim Mahkamah Tinggi. Selain daripada itu, Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang juga telah memberi satu perintah untuk melaksana dan menguatkuasakan perintah penghakiman terus itu terhadap Chye Ann Lee.

[16] Kebankrapan rakan kongsi Johari bin Ahmad pada 13 Mac 2003 telah memansuhkan perkongsian firma responden defendan. Pada 25 Februari 2003, perayu plaintif Ahmad bin Hashim telah memfailkan writ saman dan tuntutan terhadap firma responden defendan. Dan pada 25 Mac 2003, firma responden defendan memasukkan memorandum kehadiran. Pada 1 Julai 2003, pernyataan pembelaan dan tuntutan balas firma responden defendan difailkan.

[17] Jika benar bahawa perkongsian firma responden defendan telah dimansuhkan (dissolved) apabila rakan kongsi Johari bin Ahmad menjadi bankrap pada 13 Mac 2003, mengapa firma responden defendan memfailkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 1 Julai 2003? Dan yang menjadi tanda tanya

A mengapa di dalam afidavit jawapan Chye Ann Lee yang diikrarkan pada 18 April 2007 seperti kelihatan di ms. 70 hingga ke ms. 73 rekod rayuan di jilid 2, tidak dinyatakan bahawa firma responden defendan telah dimansuhkan. Oleh yang demikian, agak lewat dan tidak adil untuk peguamcara Chye Ann Lee membangkitkan
B bantahan awal itu. Kami sebulat suara menolak bantahan awal itu dan terus mendengar merit rayuan kes ini.

Analisa

C **[18]** Ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada memorandum rayuan yang difailkan oleh perayu plaintif Ahmad bin Hashim yang merayu kepada mahkamah ini terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang yang membenarkan rayuan Chye Ann Lee berkenaan lampiran 6. Ingin ditegaskan bahawa rayuan
D Chye Ann Lee adalah berkenaan perintah perlaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004. Oleh itu Hakim Mahkamah Tinggi telah tersalah arah apabila beliau memikirkan kepada isu-isu yang tidak mempunyai kaitan langsung. Isu-isu berkaitan penyerahan dokumen (service) yang dibangkitkan
E sepatutnya dibangkitkan pada masa perbicaraan penghakiman terus di hadapan Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang pada 3 Mac 2004.

[19] Penyerahan dokumen-dokumen telah dibuat secara betul dan teratur kerana firma responden defendan disaman sebagai sebuah
F firma dan jelas A. 77 k. 3(1) KMT adalah terpakai di dalam keadaan sebegini rupa. Serahan telah dibuat di alamat utama perniagaan firma responden defendan di Taman Selat Butterworth.

[20] Berkenaan dengan isu kononnya sejumlah RM20,000 telah
G dibayar oleh firma responden defendan kepada Zoaimi bin Abdul melalui suratkuasa pengendalian pampasan pengambilan tanah, perkara ini dinafikan oleh perayu plaintif Ahmad bin Hashim. Isu ini juga tidak mempunyai kaitan dengan permohonan perayu plaintif Ahmad bin Hashim bagi mendapatkan perintah
H perlaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004 dan isu ini sepatutnya dibangkitkan di hadapan Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang semasa perbicaraan penghakiman terus.

I

[21] Hakim Mahkamah Tinggi juga telah terkhilaf apabila membuat kesimpulan bahawa firma responden defendan telah mewakili perayu plaintif Ahmad bin Hashim di dalam beberapa kes jenayah di Mahkamah Majistret Sik, Kedah dan kononnya perayu plaintif Ahmad bin Hashim gagal membuat bayaran guaman kepada firma responden defendan. Malangnya, isu-isu ini tidak langsung dibuktikan oleh firma responden defendan.

[22] Berkenaan isu fraud, ianya patut dibangkitkan di hadapan Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang pada 3 Mac 2004 semasa perbicaraan penghakiman terus.

[23] Kita perlu berhati-hati. Rayuan Chye Ann Lee adalah berkaitan perlaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004. Dan permohonan perayu plaintif Ahmad bin Hashim untuk perlaksanaan dan kuatkuasa perintah itu telah dibuat di bawah A. 77 k. 5(4) KMT yang berbunyi demikian:

> (4) Where a party who has obtained a judgment or order against a firm claims that a person is liable to satisfy the judgment or order as being a member of the firm, and the foregoing provisions of this rule do not apply in relation to that person, that party may apply to the court for leave to issue execution against that person, the application to be made by summons which must be served personally on that person.

[24] Kita mesti ingat bahawa Chye Ann Lee telah membantah permohonan perayu plaintif Ahmad bin Hashim dengan memfailkan satu afidavit jawapan yang diikrarkan pada 18 April 2007. Afidavit jawapan tersebut mesti dibaca berpandukan kepada A. 77 k. 5(5) KMT yang berbunyi demikian:

> (5) Where the person against whom an application under para. (4) is made does not dispute his liability, the court hearing the application may, subject to para. (3), give leave to issue execution against that person and, where that person disputes his liability, the court may order that the liability of that person be tried and determined in any manner in which any issue or question in an action may be tried and determined.

[25] Persoalan pokok yang patut diutarakan adalah sama ada afidavit jawapan yang difailkan oleh Chye Ann Lee itu mencukupi? Kami berpendapat bahawa Chye Ann Lee gagal menunjukkan apa-apa bukti yang kukuh mengenai liabiliti yang dipertikaikan. Afidavit jawapan Chye Ann Lee adalah satu pernyataan kosong belaka.

[26] Antara pernyataan-pernyataan yang dibangkitkan oleh Chye Ann Lee adalah seperti berikut:

(a) bahawa rakan kongsi masing-masing telah membuka akaun-akaun berasingan untuk cawangan-cawangan – tetapi Chye Ann Lee gagal untuk mengekshibitkan apa-apa dokumen bagi membuktikan kewujudan akaun-akaun berasingan itu;

(b) bahawa Chye Ann Lee tidak mengenali perayu plaintif Ahmad bin Hashim secara peribadi atau sebagai klien firma responden defendan – satu penafian kosong oleh Chye Ann Lee; dan

(c) bahawa Chye Ann Lee tidak ada apa-apa urusan dengan perayu plaintif Ahmad bin Hashim berkaitan dengan tuntutan beliau – satu lagi penafian kosong oleh Chye Ann Lee.

[27] Seksyen 8 Akta Perkongsian 1961 (Akta 135) – Partnership Act 1961 (Act 135) menyatakan secara ringkas bahawa apa-apa tindakan (act) yang dibuat oleh firma responden defendan adalah mengikat (bind) Chye Ann Lee. Oleh yang demikian, Chye Ann Lee tidak boleh sewenang-wenangnya mengatakan bahawa beliau tidak tahu tentang kes perayu plaintif Ahmad bin Hashim di mana wang pampasan pengambilan tanah telah diselewengkan oleh firma responden defendan di mana beliau merupakan salah seorang daripada tiga orang rakan kongsi.

[28] Seksyen 11 Akta Perkongsian 1961 (Akta 135) – Partnership Act 1961 (Act 135) perlu dirujuk pada saat ini. Ianya berbunyi demikian:

> **11. Liability of partners**
>
> Every partner in a firm is liable jointly with the other partners for all debts and obligations of the firm incurred while he is a partner; and after his death his estate is also severally liable in a due course of administration for such debts and obligations, so far as they remain unsatisfied but subject to the prior payment of his separate debts.

[29] Apa yang dinyatakan oleh Hasan Lah JC (kini HMP) di dalam kes *Michael Sim Hang Chuang v. Syarikat Sri Puspa & Ors (supra)*, di ms. 200 elok dirujuk:

> As far as the persons outside the partnership are concerned I agree with the views stated in the two cases just cited that they are entitled to act upon the assumption that the particulars in the Business Registry are correct unless and until they receive express notice to the contrary. Whatever agreement or arrangement made

by the partners between themselves are merely an internal arrangement and they cannot bind the persons from outside the firm who are dealing with the firm and are relying on the Business Registry except in cases where those persons have been expressly informed of the changes by the firm or any one of the partners. It is important that the sanctity of business register in the Business Names Registry be upheld in the interest of business efficacy.

[30] Wang pampasan pengambilan tanah telah diselewengkan oleh firma responden defendan di mana Chye Ann Lee adalah salah seorang rakan kongsi pada masa itu. Oleh yang demikian, Chye Ann Lee adalah "liable jointly" mengikut s. 11 Akta Perkongsian 1961 (Akta 135) – Partnership Act 1961 (Act 135).

[31] Penghakiman terus telah diperolehi terhadap firma responden defendan. Perlaksanaan dan kuatkuasa perintah bertarikh 3 Mac 2004 diambil terhadap Chye Ann Lee sahaja – salah seorang rakan kongsi firma responden defendan. Ini dibenarkan di bawah A. 77 k. 1 KMT dan juga di bawah A. 77 k. 3(1) KMT.

[32] Seperti yang dinyatakan, writ saman dan pernyataan tuntutan perayu plaintif Ahmad bin Hashim telah diserahkan kepada alamat utama perniagaan firma responden defendan di Taman Selat Butterworth. Serahan sedemikian rupa adalah teratur dan mengikut A. 77 k. 3(3) KMT. Dan mengikut A. 77 k. 3(1)(a) KMT, serahan tidak perlu dilaksanakan secara individu – kepada setiap orang rakan kongsi firma responden defendan.

Akhir Kalam

[33] Kami sebulat suara menolak bantahan awal yang diutarakan oleh Chye Ann Lee. Kami juga sebulat suara membenarkan rayuan perayu plaintif Ahmad bin Hashim dengan kos sebanyak RM5,000. Sebulat suara juga, kami mengenepikan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Wang deposit dipulangkan kepada perayu plaintif Ahmad bin Hashim.